

# Anwar jamin jemput MUDA sertai jawatankuasa sekretariat

**Kuala Selangor:** Datuk Seri Anwar Ibrahim memberi jaminan, wakil Parti Ikatan Demokratik Malaysia (MUDA) akan dijemput menyertai jawatankuasa yang ditubuhkan oleh Sekretariat Kerajaan Perpaduan.

Perdana Menteri yang juga Pengerusi Pakatan Harapan (PH) berkata, parti lain yang menyokong Kerajaan Perpaduan juga akan dijemput menyertai jawatankuasa yang ditubuhkan dalam mesyuarat pertama sekretariat itu kelmarin.

“Mesyuarat pertama Sekretariat Kerajaan Perpaduan itu membabitkan parti mengasaskan penubuhan Kerajaan Perpaduan. Parti yang lain tentunya dibawa dalam jawatankuasa yang sudah ditubuhkan,” katanya, semalam.

Perdana Menteri berkata demikian ditanya kenyataan pemimpin MUDA yang menyuarakan rasa terkilan kerana tidak diundang menghadiri mesyuarat pertama Sekretariat Kerajaan Perpaduan di Menara Dato' Onn, kelmarin.

Setiausaha Agung MUDA, Amir Abd Hadi, dilaporkan tidak menerima jemputan sama ada menerusi surat, mesej atau e-mel.

“Saya Setiausaha Agung parti. Kalau ada sebarang komunikasi, sudah tentu melalui saya. Tidak ada surat, mesej, e-mel diterima. Kami hanya tahu ia berlangsung dari media,” katanya ketika menjawab satu perkongsian ciapan pengguna akaun di Twitter.

Ketika berlangsung mesyuarat pertama Sekretariat Kerajaan Perpaduan dipengerusikan Anwar yang turut dihadiri semua pemimpin parti membentuk Kerajaan Perpaduan kelmarin, kelibat pemimpin utama atau wakil MUDA tidak kelihatan.

Timbalan Presiden PKR, Rafizi Ramli, dalam kenyataan berasingan, menjelaskan MUDA tidak dijemput ke mesyuarat itu memandangkan ia hanya untuk parti yang memeterai perjanjian pakatan Kerajaan Perpaduan.

Beliau berkata, hanya parti yang mempunyai tiga atau lebih ahli Parlimen adalah penandatangan perjanjian pakatan itu.

Katanya, penandatangan perjanjian pakatan itu ialah Pakatan Harapan (PH), Barisan Nasional (BN), Gabungan Parti Sarawak (GPS), Gabungan Rakyat Sabah (GRS) dan Warisan.

“Mesyuarat itu hanya untuk penandatangan perjanjian. Walaupun MUDA sebahagian Kerajaan Perpaduan, hanya parti yang mempunyai tiga atau lebih ahli Parlimen adalah penandatangan (perjanjian),” katanya.